

# Tanaman Hiasan Ruangan

DE 22 2018 5

**B**UKU bertajuk 'Tanaman Hiasan Ruangan' ini memuatkan maklumat yang lengkap mengenai tanaman hiasan. Buku yang mengandungi empat bab ini juga mendedahkan keperluan tanaman hiasan serta kaedah penjagaannya secara umum.

Manakala latar belakang tumbuhan hiasan, khususnya mengenai kaedah pembiakan juga dikongsi oleh penulis. Bab terakhir pula memaparkan spesies tumbuhan yang biasa dijadikan hiasan.

Melalui buku ini, pembaca akan dapat memahami jenis-jenis tanaman hiasan mengikut jenis ruangan, termasuk hiasan ruangan tanaman dalam pasu, hidroponik dan gantungan.

Kesemua ini bergantung kepada ciri persekitaran ruang hiasan yang dilihat dari segi pencahayaan dan kedudukan ruangan hiasan serta jenis tanaman. Beberapa contoh spesies dan kaedah pengendaliannya dalam setiap ruang hiasan pula diuraikan sebagai secara ringkas.

Sebagai pelengkap kepada bab pertama, keperluan tanaman dan penjagaan tanaman diuraikan, termasuk campuran tanah untuk pasu dan kaedah pemasuan, pemasuan semula, keperluan baja, keperluan cahaya, keperluan air, cantasan dan cara mengilatkan daun tumbuhan hiasan.

Campuran tanah bukan sahaja merujuk kepada cara menyediakan medium tanaman, tetapi merangkumi pemilihan tanah dan proses membuat kompos. Manakala pemasuan pula lebih kepada cara memilih pasu yang sesuai mengikut jenis tanaman dan penentuan saiz pasu. Baja yang sesuai juga dicadangkan mengikut keperluan, sama ada baja organik mahupun baja kimia.

Dari segi keperluan pencahayaan, letakan dan susunan pasu dibincangkan mengikut keperluan tanaman dan jenis tumbuhan. Ini kerana setiap tumbuhan memerlukan intensiti cahaya yang berbeza. Selain daripada itu, keperluan air turut diuraikan bagi memastikan pertumbuhan tanaman yang lebih baik.

Penulis juga menerangkan kepentingan cantasan mengikut keperluan tanaman dan kehendak penanam. Lima jenis cantasan diuraikan mengikut keperluan, termasuk cantasan pembentukan, cantasan biasa, cantasan pemulihan, cantasan hujung dan cantasan akar.

Akhir sekali, penulis berkongsi beberapa cara mengilatkan daun, iaitu sama ada menggunakan pengilat di pasaran ataupun menggunakan susu.

Penulis menyempurnakan keseluruhan buku dengan menghuraikan beberapa spesies tanaman hiasan termasuk palma dan paku pakis, iaitu terdiri daripada spesies daripada famili Araceae, Liliaceae, Begoniaceae, Marantaceae, Euphorbiaceae, Labiatae, Agaraceae, Zingiberaceae, Agavaceae, Gesneriaceae, Moraceae, Acanthaceae, Crassulaceae, piperaceae,



Urticaceae, Araliaceae, Commeliaceae, Adiantaceae dan Dennstaedtiaceae.

Kebanyakan spesies yang dinyatakan dalam buku disertakan dengan gambar bagi memudahkan pembaca mengetahui rupa bentuk tumbuhan yang sebenar.

Secara keseluruhannya, kelebihan buku ini ialah selain penggunaan bahasa yang mudah difahami, paparan maklumat bergambar merupakan medium yang melancarkan penyampaian penulis.

Ini menjadikan buku ini sesuai untuk dirujuk oleh kalangan pembaca yang sedang mula berjinak-jinak dalam bidang tanaman hiasan ruangan.

Oleh yang demikian, untuk mengetahui lebih lanjut lagi tentang buku dan isi kandungannya, sila lawati laman sesawang Perpustakaan Negeri Sabah di [www.library.sabah.gov.my](http://www.library.sabah.gov.my) atau hubungi 088-231623, 214828 atau 256192 untuk mengetahui ketersediaan buku tersebut.

Bagaimanapun, buku-buku ini mungkin mengambil masa untuk dihantar ke perpustakaan di luar Kota Kinabalu, sila berhubung dengan Perpustakaan terdekat untuk tempahan pinjaman.



**Tajuk:** Tanaman Hiasan Ruangan

**Penulis:** Rukayah Aman

**Penerbit:** Dewan Bahasa dan Pustaka

**Tebal:** 106 Muka Surat.

**Pengulas:** Dr. Jurry Foo, Program Geografi, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah